

CNS8753

U GB 04-11 00157 XB037

aab

Ulangan dengan pembedulan pada para pertama

Mahathir-Apec

M'SIA TIDAK RUGI KALAU TIDAK HADIRI APEC, KATA MAHATHIR

J

KUALA LUMPUR, 4 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia tidak akan rugi dengan keputusannya untuk tidak menghadiri Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di Seattle pada pertengahan bulan ini.

Perdana Menteri berkata tidak ada keputusan utama akan dibuat pada persidangan itu kerana ia sebenarnya satu sidang kemuncak tidak formal.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas merasmikan Perhimpunan Agung UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra hari ini, Dr Mahathir berkata beliau tidak mengubah pendirian untuk tidak menghadiri persidangan itu.

"Saya tidak mengubah fikiran. Saya tidak akan pergi... saya tidak fikir Malaysia akan rugi," katanya.

"Saya berpendapat Apec tidak boleh disamakan dengan Kesatuan Eropah ataupun dijadikan perjanjian perdagangan bebas. Sebaliknya ia perlu menumpukan kepada projek-projek yang boleh menguntungkan anggotanya terutama negara membangun." -- Lagi

04/11/14-39MST

CNS8693

U GB 04-11 00057 XB034

aab

Mahathir-Apec 2 (Akhir) Kuala Lumpur

Menjawab satu soalan sama ada beliau anti Barat, Dr Mahathir berkata: "Kita bukan menentang mereka. Sebenarnya merekalah yang menentang kita."

Sebaliknya, beberapa insiden di luar negara telah menggambarkan bahawa terdapat peningkatan perasaan anti Islam di kalangan negara Barat, katanya.

-- Bernama

JO AKD